

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK – CBP WASIATKU

Dikeluarkan oleh;



Diedarkan oleh;



Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan penulisan wasiat CBP Wasiatku. Sila pastikan anda membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat am.

### 1. Apakah yang dimaksudkan dengan CBP Wasiatku?

CBP Wasiatku ialah produk perkhidmatan penulisan Wasiat Digital yang diperkenalkan oleh Co-opbank Pertama (CBP) dengan kerjasama Rakyat Trustee Berhad (RTB). Ia bertujuan membantu individu menyediakan dokumen wasiat mereka dengan cara yang lebih mudah, cepat, dan selamat melalui platform dalam talian.

### 2. Apakah yang dimaksudkan dengan Wasiat?

Wasiat adalah lqrar seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan menurut Hukum Syarak, selepas dia meninggal dunia. (Seksyen 2, *Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999*). Perkhidmatan penulisan wasiat Islam tertakluk kepada had 1/3 yang diwasiatkan kepada bukan waris dan menetapkan 2/3 kepada waris melalui hukum Faraid selepas selesai kos pengurusan jenazah dan pelunasan hutang.

Untuk Bukan Islam, Wasiat adalah dokumen pengisytiharan yang membenarkan seseorang individu untuk melantik Wasi atau Pentadbir dan Pemegang Amanah (termasuk Perjanjian Amanah) untuk mentadbir dan mengagihkan harta dan asetnya kepada benefisiari setelah dia meninggal dunia, dan tertakluk kepada Akta Wasiat 1959.

### 3. Apakah konsep syariah yang digunakan untuk produk ini?

- i. Hubungan kontraktual antara CBP dan RTB adalah berlandaskan kepada akad ju'alah berdasarkan kepada ciri-ciri perjanjian perniagaan yang berasaskan komisen yang dibayar selepas disahkan ada pencapaian (tanpa upah tetap).
- ii. Hubungan kontraktual di antara CBP dan pelanggan ialah al-Wakalah. Ia bermaksud penyerahan tanggungjawab yang ada pada seseorang (muwakkil) kepada seseorang yang lain (wakil) dengan upah fi wakalah yang dipersetujui awal dan terma-terma tertentu agar wakilnya itu menguruskan segala tanggungjawab yang diwakilkan.

### 4. Bagaimanakah dengan syarat kelayakan Pewasiat?

- i. Individu Muslim dan Bukan Muslim yang berumur 18 tahun ke atas atau bagi negeri Sabah, 21 tahun ke atas;

- ii. Waras akal fikirannya sewaktu mendaftar Wasiat; dan
- iii. Bertindak dengan sukarela dan tidak dipaksa.

#### 5. Apakah jenis CBP Wasiatku yang ditawarkan?

- i. Wasiat Asas (Islam dan Bukan Islam)
- ii. Wasiat Komprehensif (Islam dan Bukan Islam)

#### 6. Apakah ciri-ciri utama CBP Wasiatku?

- i. Pelanggan akan menerima Perlindungan Kemalangan Peribadi (PA) selama satu (1) tahun bernilai sehingga Ringgit Malaysia sepuluh ribu (RM10,000).
- ii. Khidmat rundingan pentadbiran harta pusaka secara percuma kepada pelanggan termasuk khidmat nasihat berkaitan proses pentadbiran pusaka, dokumentasi, fi pentadbiran dan lain-lain berkaitan pentadbiran pusaka.
- iii. Diskaun fi pentadbiran pusaka sebanyak sehingga sepuluh peratus (10%) kepada waris bagi pentadbiran harta pusaka berwasiat yang dilaksanakan oleh pihak RTB kelak.
- iv. Khidmat Peribadi (*Personalised Service*) merangkumi pemantauan status dokumen, sokongan pelanggan dan bantuan melalui khidmat pelanggan untuk pelaksanaan pentadbiran pusaka berwasiat serta pengemaskinian wasiat atau perubahan maklumat penting pewasiat dan benefisiari oleh pewasiat.

#### 7. Apakah tanggungjawab anda sebagai pelanggan?

- i. Anda harus baca, faham dan melengkapkan segala maklumat yang dikehendaki di dalam sistem Rakyat4U dan Surat Wasiat dan membayar fi yang dikenakan.
- ii. Pastikan anda memberi segala maklumat dan data peribadi yang betul dan jelas.
- iii. Wasiat anda adalah Wasiat Asas di mana pembahagian wasiat 1/3 diberikan kepada selain ahli waris dan 2/3 dibahagikan kepada ahli waris mengikut Hukum Syarak iaitu Faraid.
- iv. Pindaan Wasiat Asas kepada Wasiat Komprehensif selepas ini adalah dibuat terus ke RTB selepas permohonan anda berjaya.
- v. Tidak membuat wasiat melebihi 1/3 kepada bukan waris yang menyebabkan timbul bantahan dan pertikaian undang-undang oleh waris lain pada masa hadapan.
- vi. Tidak membuat wasiat atas harta tidak wujud, harta tidak sah, harta haram atau harta syubhah yang tidak dimiliki, harta dalam pertikaian.

#### 8. Apa yang berlaku sekiranya anda gagal memenuhi tanggungjawab anda?

Pihak CBP tidak dapat memproses permohonan anda dan menyebabkan wasiat anda tidak memenuhi syarat perundangan Wasiat dan tidak dapat dilaksanakan.

#### 9. Apakah yang dikatakan Wasiat terakhir?

Wasiat terakhir adalah wasiat yang terkini ditulis oleh simati. Wasiat ini akan digunapakai dalam urusan pentadbiran pusaka untuk mendapatkan Geran Probet daripada mahkamah dan seterusnya proses pencairan harta simati.

#### **10. Apakah itu Wasiat Digital?**

Wasiat Digital ialah Wasiat yang ditandatangani secara digital yang mematuhi terma-terma dan dikawal selia oleh Akta Tandatangan Digital 1997 dan Peraturan-peraturan Tandatangan Digital 1998 dengan pihak berkuasa memperakui dengan mengeluarkan Sijil Perakuan kepada pelanggan yang memohon serta diselia sepenuhnya oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

#### **11. Bagaimana cara untuk membuat Wasiat Komprehensif CBP Wasiatku?**

Melalui portal Rakyat4u, pelanggan boleh membuat pindaan Wasiat dengan menyertakan pembahagian penerima bukan waris 1/3 bahagian, perlantikan penjaga harta anak bawah umur atau kurang upaya, penyenaian lengkap harta dan liabiliti dengan muatnaik dokumentasi sokongan contohnya Hakmilik / Geran Tanah, dokumen institusi kewangan, geran kenderaan, salinan kad pengenalan benefisiari dan sebagainya.

#### **12. Apakah fi dan caj yang perlu dibayar untuk perkhidmatan CBP Wasiatku?**

Fi perkhidmatan penulisan Wasiat Digital CBP Wasiatku adalah RM750 dan pindaan Wasiat adalah percuma.

#### **13. Berapakah fi pentadbiran harta pusaka untuk pelaksanaan CBP Wasiatku?**

Fi pentadbiran harta pusaka untuk pelaksanaan CBP Wasiatku adalah 1.8% daripada jumlah dan nilai terkini harta sewaktu pentadbiran pusaka kelak sebelum ditolak dengan diskaun sebanyak sepuluh peratus (10%) *(tidak termasuk kos pihak ketiga)*.

#### **14. Apakah perbezaan tandatangan digital dan tandatangan elektronik?**

Tandatangan digital menggunakan teknologi pengkodan dan penyulitan untuk mengelakkan tandatangan daripada sebarang pencurian identiti dan pemalsuan dokumen, serta melindungi daripada pengubahsuaian selepas tandatangan. Tandatangan ini juga tertakluk kepada Akta Tandatangan Digital 1997 dengan pihak berkuasa memperakui melalui pengeluaran Sijil Perakuan kepada pelanggan yang memohon serta diselia sepenuhnya oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), manakala tandatangan elektronik terdedah kepada risiko pengubahan, penipuan dan pemalsuan kerana tidak diselia oleh badan pengawal. Tandatangan elektronik ini tertakluk di bawah Akta Perdagangan Elektronik 2006.

#### **15. Bagaimanakah cara untuk mengakses Wasiat Digital CBP Wasiatku?**

Akses boleh dibuat secara atas talian menggunakan peranti elektronik dengan akses masuk ke portal pelanggan iaitu RAKYAT4U menggunakan identiti pengguna dan kata laluan yang telah diberikan melalui emel pelanggan.

#### 16. Perlukah Wasiat Digital CBP Wasiatku disimpan sendiri salinannya?

Setiap salinan wasiat yang telah lengkap akan diberikan kepada pelanggan melalui e-mel pelanggan. Pelanggan boleh menyimpan secara fizikal dengan memuat turun dan mencetak wasiat tersebut. Pelanggan juga boleh mengakses portal pelanggan Rakyat4u untuk melihat atau memuat turun semula wasiat yang terkini.

#### 17. Apakah kelebihan penulisan wasiat?

- i. Mengekspresikan hasrat bagi pelaksanaan wasiat 1/3 kepada selain daripada ahli waris seperti kepada tujuan-tujuan filantropi dan kebajikan.
- ii. Pelantikan Wasi melalui dokumen wasiat akan memudahkan pengurusan dan pentadbiran harta pusaka selepas kematian.
- iii. Pewasiat dapat melantik Wasi yang boleh dipercayai dan mampu melaksanakan arahan Pewasiat dengan sempurna.

#### 18. Apa itu Wasi?

Wasi adalah Seorang atau Perbadanan yang dilantik oleh Pewasiat semasa hidup iaitu Rakyat Trustee Berhad sebagai Pentadbir dan Pemegang Amanah untuk mentadbir harta pusaka peninggalannya serta melaksanakan hasrat dan arahnya selepas berlaku kematian kelak.

#### 19. Apakah yang terjadi sekiranya tiada Wasi dilantik?

- i. Kesemua Waris-Waris perlulah bersetuju melantik Pentadbir harta pusaka sama ada dalam kalangan waris atau pihak luar.
- ii. Waris perlu dikumpulkan dan dijelaskan berkenaan peranan Pentadbir dan kebiasaannya ini mengambil masa yang lama disebabkan kekangan masa, kesukaran mengumpulkan waris dan sikap mereka.

#### 20. Untuk maklumat lanjut, hubungi kami:

##### **RAKYAT TRUSTEE BERHAD**

Lot 1, Level 24, Menara TH Selborn  
No 153 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur  
Talian Mesra Rakyat: +603 2602 2722  
E-mel: [admin@rakyattrustee.com](mailto:admin@rakyattrustee.com)  
Laman Sesawang: [www.rakyattrustee.com](http://www.rakyattrustee.com)